

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]**

**TARIKH : 7 DISEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN CHOW KON YEOW [ TANJONG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keputusan Kerajaan Pusat berhubung permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang agar menaikkan kadar pelepasan cukai individu untuk perbelanjaan pelancongan domestik susulan pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 pasca COVID-19 dari RM1,000 sedia ada kini kepada RM5,000. Perincikan pelaksanaannya jika ia diluluskan dan nyatakan sebab sekiranya ia ditolak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan kenaikan kadar pelepasan cukai individu bagi perjalanan domestik adalah tidak berbangkit memandangkan Kerajaan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi telah pun mengumumkan pelepasan khas cukai pendapatan individu sehingga RM1,000 ke atas perbelanjaan perjalanan domestik bagi tempoh 1 Mac 2020 hingga 31 Disember 2020 dan dilanjutkan juga bagi tahun taksiran 2021 tertakluk kepada syarat seperti berikut:-
  - i. Pertama, perbelanjaan penginapan dibuat di premis penginapan yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC);
  - ii. Kedua, pelepasan diberi ke atas bayaran masuk ke pusat tarikan pelancong; dan
  - iii. Perbelanjaan di atas dibuat dalam tempoh 1 Mac 2020 hingga 31 Ogos 2020 dan 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021.
2. Oleh itu, cadangan meningkatkan had pelepasan dari RM1,000 hingga RM5,000 telah dikaji dan ianya tidak dipertimbangkan pada masa ini.